

Kriteria Pengambilan dan Pemilihan Graduan dari Perspektif
Pengurusan Sumber Manusia

(*The Criteria of Graduate Recruitment and Selection from The Perspective of Human Resource Management*)

ZAFIR MOHD MAKHBUL, ISHAK YUSSOF & ABD HAIR AWANG

ABSTRAK

Pengambilan dan pemilihan sumber manusia oleh pihak pengurusan sumber manusia adalah amat mencabar kerana pemilihan sumber manusia berkualiti menyokong matlamat organisasi. Fungsi ini lebih ketara cabarannya apabila terdapat ramai calon yang berkelayakan memohon sesuatu kekosongan jawatan. Pelbagai kriteria ditetapkan oleh majikan dalam memastikan pekerja yang dipilih adalah yang terbaik dan bertepatan dengan sesuatu jawatan. Kajian terhadap kriteria yang ditetapkan oleh majikan masa kini adalah amat bersesuaian untuk dijadikan panduan berguna dalam menentukan kebolehpasaran graduan. Kaedah pengumpulan data kajian ini adalah melalui borang soal selidik yang diedarkan menerusi pos kepada majikan sektor swasta yang diwakili oleh Pengurus Sumber Manusia atau Pengurus Atasan. Pengagihan soal selidik ini dilakukan dengan menggunakan kaedah pensampelan mudah (*convenience sampling method*). Sebanyak 534 responden telah memberikan maklumbalas daripada 2000 soal selidik yang telah diperlukan. Penemuan kajian menunjukkan bahawa faktor keperibadian dan ketrampilan serta keyakinan diri graduan menjadi pilihan utama majikan. Keyakinan diri disusuli dengan kemahiran berkomunikasi yang berkesan merupakan satu kelebihan graduan menjadi pilihan utama majikan.

Kata kunci: pengambilan, pemilihan, kebolehpasaran, kemahiran insaniah, komunikasi